Dr M tidak kecewa tunda tarikh

Daripada Zairee Zahir di Dover, England BH 30/7/03

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak berasa kecewa dengan penundaan beberapa kali tarikh dan waktu renangan Abdul Malik Mydin untuk rnerentasi Selat Inggeris.

Dalarn surat kedua yang dihantar Perdana Menteri dan cliterima perenang maraton negara itu kira-kira jam 2.30 petang semalam, Dr Mahathir yang juga penaung kepada projek Cabaran Selat Inggeris berkata adalah lebih baik dan wajar bagi Abdul Malik memulakan renangannya selepas disahkan selamat dan sesuai oleh jurulatih John Van Wisse.

"Saya sentiasa berdoa supaya Abdul Malik akan berjaya, lnsya-Allah," kata Dr Mahathir dalam surat yang difaksimili kepada Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom dan dihantar seorang pegawainya kepada Abdul Malik di Dover.

la adalah surat kedua Perdana Menteri kepada Abdul Malik selepas surat pertama dihantar 22 Julai lalu – sehari sebelum perenang maraton negara itu dijadual memulakan renangannya.

Abdul Malik yang masih berada di Dover sejak minggu lalu untuk bersiap sedia dan menjalani latihan bagi mengekalkan kecergasannya, turut menerima ucapan selamat maju jaya daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail pada 23 Julai lalu dan panggilan telefon daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 27 Julai lalu.

Abdul Malik, 28, berada di London sejak dua minggu lalu untuk memulakan rnisi besarnya menjadi rakyat Malaysia dan Asia Tenggara pertama berenang merentasi Selat Inggeris dari Shakespeare Beach di Dover ke Cap Gris Nez di Calais, Perancis, sejauh 32.8 kilometer.

Berenang merentasi Selat Inggeris yang terkenal dengan cabaran getir kerana suhu air yang dingin, arus laut yang kuat, tiupan angin kencang serta keadaan cuaca tidak menentu yang boleh berubah dalarn sekelip mata, adalah cabaran paling berprestij dalam

kalendar renang maraton antarabangsa sejak tradisinya bermula pada 1875.

Setakat ini, renangan Abdul Malik dibatalkan dua kali oleh badan pengendali dan pengawas – Persekutuan Renang dan Pengemudian Selat (CSPF) manakala dalarn tiga kes lain ketika dia diminta bersiap-sedia, rancangannya untuk memulakan renangan juga terpaksa dibatalkan.

Abdul Malik yang sempat ditemui di Dover berkata dia berasa bangga dengan sokongan yang ditunjukkan pemimpin tertinggi negara dan akan terus bersabar menunggu keadaan yang sesuai.

"Tidak banyak yang boleh saya lakukan selain menunggu, mendapat rehat yang cukup dan menjalani latihan seperti biasa untukmengekalkan kecergasan," katanya.

Sementara itu, tinjauan ke Cap Gris Nez yang bakal menjadi tempat Abdul Malik mendarat di Calais, Perancis didapati tidak jauh berbeza dengan Dover, sekali gus mengesahkan hakikat kesan iklim berbeza yang diterima dari Selat Inggeris.

Dalam kunjungan Sekretariat Cabaran Selat Inggeris yang diketuai Datuk Talaat Hussain semalam, cuaca di kawasan Calais terutarna Cap Gris Nez juga cerah tetapi angin dingin bertiup kencang dari arah barat daya dari Lautan Atlantik.

Dalam kunjungan hampir sejam di sekitar kawasan yang terletak kira-kira 33 kilometer dari Dover itu, kumpulan wartawan juga dapat melihat sayup-sayup tebing putih White Cliffs yang menjadi kebanggaan penduduk Dover.

Beberapa kapal layar kecil yang berada di kawasan perairan Calais juga kelihatan terumbang-ambing dipukul ombak walaupun berada hanya kira-kira satu kilometer dari kawasan tebing dan pantai Cap Gris Nez.

"Kita dapat melihat keadaan disini juga tidak jauh bezanya dengan keadaan perairan di Dover, tempat Abdul Malik akan memulakan renangan. Walaupun cuaca begitu cerah, tiupan anginnya agak kencang.

"Disebabkan tiupan angin yang menyebabkan ombak besar juga adalah antara faktor cuaca yang diambil kira CSPF, mereka menganggap ia tidak selamat untuk sebarang aktiviti renangan merentasi Selat Inggeris ini.

"Jadi kita perlu akur dengan sebarang keputusan dan ramalan yang dibuat CSPF kerana nyata andaian mereka mengenai keadaan laut itu tepat, seperti mana yang kita libat sendiri," kata Talaat yang juga Tlmbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan.

Ketika menggunakan feri be rikat perkapalan P&O berukur 50 untuk meter untuk perjalan dan balik dari pelabuhan D Calais, kumpulan wartawan ju merasakan keadaan feri yar stabil biarpun perjalanan har ngambil masa kira-kira satu s jam.

"Bayangkan jika kapal seb boleh memabukkan penumpa gaimana pula keadaan di da pengiring CSPF yang akan me renangan Abdul Malik nanti.

"Sebab itulah saya meminta r tanah air memahami keadaan yang menyebabkan Abdul Ma paksa beberapa kali menang waktu renangannya sebelum ir Talaat lagi.